

01 FEB 1999

DR MAHATHIR PULANG DARI SWITZERLAND

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air pagi ini selepas menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah, telah diundang berucap pada mesyuarat tahunan itu yang dihadiri oleh negarawan, pemimpin perniagaan dan tokoh akademik.

Forum bertema "Tanggungjawab Global - Menguruskan Impak Globalisasi" yang bermula pada 28 Jan lepas bertujuan membentuk agenda global.

Pada forum itu Dr Mahathir membuat empat cadangan bagi mengekang spekulasi mata wang yang keterlaluan, termasuk perlunya kawalan terhadap kelebihan dana lindung nilai dan pedagang matawang, lebih-lebih lagi apabila mereka diberikan dana berjumlah 20 atau 200 kali ganda lebih besar daripada modal mereka.

Yang hadir di lapangan terbang KLIA di sini bagi menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

-- BERNAMA

HS